

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHH 454 - Sejarah Masalah Perburuhan Di Malaysia

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan.

... 2/-

1. Sejauh manakah pelaksanaan dasar kerajaan kolonial dalam bidang imigrasi, tanah dan pendidikan telah mengasaskan pembahagian dan identifikasi kaum dengan pekerjaan-pekerjaan tertentu di Malaysia?
(100 markah)
2. Bincangkan perubahan sosio-ekonomi pada tahun-tahun 1930an yang akhirnya mencetuskan mogok-mogok kaum buruh China dan India antara tahun 1937 dan tahun 1941.
(100 markah)
3. Mengapakah kerajaan kolonial pada tahun 1940 mengambil keputusan untuk memperkenalkan undang-undang kesatuan sekerja?
(100 markah)
4. "Kesan-kesan pendudukan Jepun (1942-1945) merupakan satu faktor penting dalam perkembangan pergerakan buruh di Malaysia." Bincangkan.
(100 markah)
5. "Pergerakan buruh antara tahun 1945 dan tahun 1948 di Malaya adalah tertakluk kepada kepentingan politik Parti Komunis Malaya." Bincangkan kebenaran pernyataan ini.
(100 markah)
6. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan kolonial untuk memperketatkan kawalan Kesatuan Sekerja Umum di Malaya (1945-1948)?
(100 markah)
7. Penubuhan Majlis Kesatuan Sekerja Malaya (Malayan Trade Union Council) adalah untuk tujuan memperlindungkan perburuhan daripada pengaruh komunis. Bincangkan.
(100 markah)

- ooo0ooo -